

Pembangunan Kerangka Pendidikan Mualaf Berteraskan Epistemologi Islam dan Pendekatan Sosio-Ekologi di Sarawak *Development of a Mualaf Education Framework Based on Islamic Epistemology and the Socio-Ecological Approach in Sarawak*

Mohammed Rasheedan Ellin^{1, 2, ①}, Mohd Khairol Jambli^{2, 4}, Mohammad Afiq Shazwan Abdul Samat³, Abdul Jabbar Abdullah^{2, 4}

¹Universiti Malaysia Sarawak

²Persatuan Saudara Muslim Sarawak

³Institut Kajian Borneo

⁴Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak

①Corresponding author: emrasheedan@unimas.my

ABSTRAK

Pendidikan mualaf merupakan aspek penting dalam pengukuhan akidah, pembinaan identiti Muslim dan kesejahteraan sosial golongan mualaf di Malaysia. Namun, pendekatan pendidikan sedia ada masih bersifat fragmentasi, terlalu menekankan ritual serta kurang mengambil kira realiti sosio-budaya komuniti mualaf di Sarawak. Kajian ini bertujuan membangunkan kerangka pendidikan mualaf berteraskan epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi bagi konteks Sarawak. Dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, temu bual mendalam telah dijalankan bersama enam belas orang peserta kajian dari pelbagai institusi yang berpengalaman terlibat secara langsung dalam pendidikan mualaf di Sarawak. Hasil analisis tematik mengenal pasti enam tema utama, iaitu: (1) pengukuhan tauhid dan identiti Muslim; (2) pendidikan berasaskan pendampingan; (3) pengaruh ekosistem sosial terhadap istiqamah mualaf; (4) pendidikan kontekstual budaya Sarawak; (5) pemerkasaan ekonomi dan psikososial serta (6) integrasi institusi dalam tadbir urus dakwah. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mengemukakan satu kerangka pendidikan mualaf yang mengintegrasikan asas epistemologi Islam dengan model sosio-ekologi pelbagai aras yang meliputi individu, keluarga, komuniti, institusi dan dasar. Dengan menghubungkan prinsip normatif Islam dan realiti sosial setempat, kerangka ini menawarkan pendekatan yang lebih berstruktur dan menyeluruh dalam memperkukuh pendidikan mualaf, sekaligus menyumbang kepada wacana teori dan reformasi dasar dalam pembangunan masyarakat Muslim minoriti.

KATA KUNCI

Mualaf, epistemologi Islam, sosio-ekologi, pendidikan Islam, Sarawak

ABSTRACT

Muallaf education is an important aspect in strengthening faith (aqidah), developing Muslim identity, and enhancing the social well-being of converts in Malaysia. However, existing educational approaches remain fragmented, overly focused on ritual practices, and insufficiently responsive to the socio-cultural realities of the muallaf community in Sarawak. This study aims to develop a muallaf education framework grounded in Islamic epistemology and a socio-ecological approach within the Sarawak context. Using a qualitative research design, in-depth interviews were conducted with sixteen participants from various institutions who have direct experience in muallaf education in Sarawak. Thematic analysis identified six main themes: (1) strengthening tawhid and Muslim identity; (2) mentoring-based education; (3) the influence of the social ecosystem on muallaf perseverance (istiqamah); (4) culturally contextualised education in Sarawak; (5) economic and psychosocial empowerment; and (6) institutional integration in dakwah governance. Based on these findings, the study proposes a muallaf education framework that integrates the foundations of Islamic epistemology with a multi-level socio-ecological model encompassing the individual, family, community, institutions, and policy. By linking normative Islamic principles with local social realities, this framework offers a more structured and comprehensive approach to strengthening muallaf education, thereby contributing to theoretical discourse and policy reform in the development of minority Muslim communities.

KEYWORDS:

Muallaf, Islamic epistemology, socioecology, Islamic education, Sarawak

1.0 Pengenalan

Golongan muallaf merupakan kelompok yang memerlukan perhatian khusus dalam sistem pendidikan Islam kerana proses pengislaman bukan sekadar melibatkan perubahan pegangan agama, tetapi turut melibatkan transformasi identiti, emosi, budaya, sosial dan kehidupan seharian. Dalam konteks Malaysia, pendidikan muallaf lazimnya dilaksanakan oleh institusi agama negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dakwah, pusat bimbingan Islam serta individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah.

Di Sarawak, pendidikan muallaf mempunyai cabaran tersendiri kerana masyarakatnya bersifat multi-etnik, multi-agama dan tinggal dalam kawasan geografi yang luas termasuk kawasan pedalaman. Sebahagian besar muallaf di Sarawak berasal daripada komuniti Dayak, Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan masyarakat pribumi lain yang mempunyai budaya dan sistem sosial yang tersendiri. Situasi ini menyebabkan pendekatan pendidikan Islam yang bersifat umum dan tidak kontekstual sering gagal memenuhi keperluan sebenar golongan muallaf.

Tambahan pula, sebahagian pendekatan pendidikan muallaf terlalu menekankan aspek hukum dan ritual tanpa memberi perhatian kepada aspek psikososial, budaya, kekeluargaan dan pembangunan komuniti (Siti Aishah Yahya, 2021). Dalam keadaan tertentu, muallaf berhadapan konflik keluarga, diskriminasi sosial, tekanan ekonomi dan kesukaran membina identiti Muslim yang stabil (Kawi et al., 2020). Kajian ini menggabungkan epistemologi Islam sebagai asas pembentukan ilmu dan pendekatan sosio-ekologi sebagai

kerangka memahami pengaruh persekitaran terhadap pembangunan mualaf.

Epistemologi Islam menekankan bahawa sumber ilmu berasaskan wahyu, akal, pengalaman dan pemerhatian yang berpaksikan tauhid. Pendekatan ini membentuk pendidikan yang tidak sekadar bersifat informatif, tetapi turut membina hubungan manusia dengan Allah SWT, masyarakat dan alam.

Pendekatan sosio-ekologi pula menjelaskan bahawa tingkah laku dan pembangunan individu dipengaruhi oleh pelbagai lapisan persekitaran termasuk keluarga, komuniti, institusi dan dasar sosial (Tong & An, 2023). Oleh itu, pendidikan mualaf tidak boleh dilihat hanya pada tahap individu semata-mata. Justeru, kajian ini bertujuan membangunkan satu kerangka pendidikan mualaf berteraskan epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi berdasarkan pengalaman serta pandangan pengamal dakwah di Sarawak.

Walaupun pelbagai program dan modul pendidikan mualaf telah dilaksanakan oleh institusi agama dan NGO, kebanyakannya masih berorientasikan pengajaran asas agama secara teoritikal dan belum mengintegrasikan dimensi epistemologi Islam serta pendekatan sosio-ekologi secara menyeluruh, khususnya dalam konteks masyarakat multietnik dan multireligious di Sarawak. Keadaan ini mewujudkan keperluan kepada pembangunan satu kerangka pendidikan mualaf yang lebih holistik, kontekstual, lestari, dan responsif terhadap realiti kehidupan mualaf di Sarawak.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian fenomenologi bagi memahami pengalaman, pandangan dan realiti pengamal dakwah dalam pendidikan mualaf di Sarawak. Pendekatan fenomenologi sesuai digunakan kerana isu pendidikan mualaf melibatkan pengalaman kompleks yang berkait dengan dimensi spiritual, budaya, psikososial dan sosial masyarakat majmuk Sarawak. Melalui fenomenologi, pengkaji dapat memahami bagaimana peserta memberi makna terhadap pengalaman mereka dalam membimbing mualaf serta bagaimana pengalaman tersebut membentuk cadangan pembangunan kerangka pendidikan mualaf yang lebih holistik (Creswell, 2013).

Kajian melibatkan seramai 16 orang peserta yang dipilih berdasarkan pengalaman dan penglibatan langsung dalam pendidikan mualaf seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kategori peserta kajian

Kategori Peserta	Bilangan
Daie	5
Mentor Dakwah Mualaf	4
Pengurus NGO Dakwah	5
Pegawai Hal Ehwal Agama Jabatan Agama	2
Jumlah	16

Kajian ini menggunakan *purposive sampling* bagi memilih peserta yang mempunyai pengalaman dan penglibatan langsung dalam pendidikan mualaf di Sarawak (Campbell et al., 2020). Strategi *purposive sampling* membolehkan pengkaji memperoleh data yang kaya (information-rich cases) daripada peserta yang mempunyai kefahaman mendalam tentang realiti pendidikan mualaf. Pemilihan peserta melibatkan daie, mentor dakwah mualaf, pengurus NGO dakwah dan pegawai hal ehwal agama bagi

memastikan kepelbagaian perspektif dalam pembangunan kerangka pendidikan mualaf.

Peserta dipilih berdasarkan kriteria berikut:

1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam pendidikan mualaf.
2. Terlibat secara aktif dalam aktiviti dakwah atau pengurusan mualaf.
3. Berkhidmat di Sarawak.

2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bergantung kepada lokasi peserta. Setiap sesi temu bual berlangsung antara 45 hingga 90 minit.

Antara soalan temu bual ialah:

1. Apakah cabaran utama dalam pendidikan mualaf di Sarawak?
2. Bagaimanakah pendekatan pendidikan sedia ada membantu mualaf?
3. Apakah elemen penting yang perlu ada dalam pendidikan mualaf?
4. Bagaimanakah faktor keluarga dan komuniti mempengaruhi perkembangan mualaf?
5. Apakah bentuk kerjasama institusi yang diperlukan?

Kajian ini menggunakan *reflexive thematic analysis* yang diperkenalkan oleh Virginia Braun dan Victoria Clarke bagi menganalisis data temu bual. Analisis tematik dipilih kerana pendekatan ini sesuai untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir pola makna (*patterns of meaning*) daripada pengalaman peserta berkaitan pendidikan mualaf di Sarawak. Kaedah ini juga fleksibel dan membolehkan pengkaji membangunkan tema secara induktif berdasarkan data lapangan (Braun & Clarke, 2023).

Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) data dalam kajian ini dipastikan berdasarkan kerangka Lincoln dan Guba yang merangkumi *credibility*, *dependability*, *confirmability* dan *transferability*. *Credibility* dicapai melalui temu bual mendalam dengan pelbagai kategori peserta yang terlibat secara langsung dalam pendidikan mualaf serta penggunaan petikan verbatim dalam pembentukan tema. *Dependability* dijamin melalui proses analisis tematik Braun dan Clarke (2019) yang sistematik dan didokumentasikan secara konsisten, manakala *confirmability* diperkukuhkan dengan berasaskan data empirikal peserta melalui transkripsi verbatim dan analisis induktif bagi mengurangkan bias pengkaji. *Transferability* pula disokong oleh penerangan konteks kajian yang terperinci agar dapatan boleh dinilai kesesuaiannya dalam konteks lain, di samping validasi pakar menggunakan *Content Validity Index* (CVI) untuk mengukuhkan kesahan kandungan kerangka yang dibangunkan.

3.0 Dapatan Kajian

3.1 Fasa 1: Temubual Kualitatif

Analisis data menghasilkan enam tema utama yang menjadi asas pembangunan kerangka pendidikan mualaf iaitu: (1) pengukuhan tauhid dan identiti Muslim; (2) pendidikan berasaskan hubungan dan pendampingan; (3) pengaruh ekosistem sosial terhadap istiqamah mualaf; (4) pendidikan kontekstual budaya Sarawak; (5) pemeraksanaan ekonomi dan psikososial mualaf; dan (6) integrasi institusi dakwah dan NGO.

3.1.1 Pengukuhan Tauhid dan Identiti Muslim

Peserta kajian menekankan bahawa pendidikan mualaf perlu dimulakan dengan pengukuhan tauhid sebagai asas utama pembentukan identiti Muslim. Majoriti peserta berpandangan bahawa ramai mualaf mengalami kekeliruan identiti selepas memeluk Islam kerana mereka berada dalam proses peralihan budaya, sosial dan spiritual yang kompleks. Menurut peserta, pengajaran akidah yang terlalu bersifat teoritikal tanpa penerapan makna kehidupan Islam menyebabkan sebahagian mualaf sukar memahami hubungan antara akidah dan realiti kehidupan mereka. Daie dan pegawai hal ehwal agama menjelaskan bahawa pendidikan tauhid perlu dilaksanakan secara bertahap, bersifat praktikal dan menekankan penghayatan, bukannya sekadar hafalan hukum. Selain itu, peserta turut menegaskan bahawa pembinaan identiti Muslim yang sihat perlu mengambil kira latar budaya asal mualaf agar mereka tidak merasakan bahawa pengislaman bermaksud kehilangan identiti etnik dan budaya sepenuhnya.

3.1.2 Pendidikan Berasaskan Hubungan dan Pendampingan

Tema kedua menunjukkan bahawa hubungan interpersonal dan sistem pendampingan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan pendidikan mualaf. Peserta menjelaskan bahawa mualaf lebih mudah menerima pendidikan Islam apabila mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan mentor, daie atau komuniti Muslim yang prihatin. Mentor dakwah mualaf menyatakan bahawa pendekatan kuliah semata-mata sering gagal memenuhi keperluan emosi dan psikologi mualaf. Sebaliknya, pendekatan pendampingan yang melibatkan ziarah, sokongan harian, komunikasi berterusan dan aktiviti usrah membantu mualaf membina rasa kekitaan dalam komuniti Islam. Beberapa peserta turut menjelaskan bahawa terdapat mualaf yang menghadapi tekanan emosi selepas memeluk Islam dan memerlukan individu yang boleh menjadi tempat rujukan secara konsisten.

3.1.3 Pengaruh Ekosistem Sosial terhadap Istiqamah Mualaf

Peserta kajian berpandangan bahawa istiqamah mualaf tidak hanya dipengaruhi oleh tahap pengetahuan agama semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor sosial dan persekitaran. Ramai peserta menjelaskan bahawa sebahagian mualaf menghadapi konflik keluarga, penolakan sosial dan diskriminasi budaya selepas memeluk Islam. Situasi ini menyebabkan ada mualaf yang mengalami tekanan psikologi dan menjauhkan diri daripada institusi agama. Oleh itu, peserta menegaskan bahawa pendidikan mualaf perlu melibatkan pendekatan komuniti dan keluarga bagi mewujudkan ekosistem sosial yang lebih menyokong. Pengurus NGO dakwah turut menjelaskan bahawa kewujudan komuniti Muslim yang mesra dan inklusif memberi kesan positif terhadap proses penyesuaian mualaf dalam kehidupan baharu mereka sebagai Muslim.

3.1.4 Pendidikan Kontekstual Budaya Sarawak

Peserta kajian secara konsisten menekankan bahawa pendidikan mualaf di Sarawak perlu mengambil kira sensitiviti budaya dan realiti masyarakat tempatan. Menurut peserta, pendekatan dakwah yang terlalu *rigid* dan tidak memahami adat masyarakat tempatan boleh menyebabkan penolakan terhadap pendidikan Islam. Beberapa peserta menjelaskan bahawa penggunaan bahasa tempatan, pendekatan mesra budaya dan kefahaman terhadap struktur sosial masyarakat pribumi membantu meningkatkan penerimaan mualaf terhadap program pendidikan Islam. Selain itu, peserta juga berpandangan bahawa terdapat elemen budaya masyarakat Sarawak yang masih boleh dikekalkan selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Pendekatan yang lebih fleksibel dan berhikmah dianggap lebih sesuai dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak.

3.1.5 Pemerksaan Ekonomi dan Psikososial Mualaf

Peserta turut menegaskan bahawa aspek ekonomi dan psikososial mempunyai hubungan yang rapat dengan keberkesanan pendidikan mualaf. Sebahagian mualaf dilaporkan kehilangan sokongan keluarga dan sumber ekonomi selepas memeluk Islam. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk meneruskan kehidupan secara stabil. Peserta menjelaskan bahawa bantuan kewangan, latihan kemahiran dan sokongan psikososial perlu digabungkan dalam sistem pendidikan mualaf bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka. Mentor dakwah dan pengurus NGO turut berpandangan bahawa pendidikan Islam yang tidak mengambil kira tekanan emosi dan ekonomi mualaf akan menyebabkan proses pembangunan diri mereka menjadi tidak seimbang.

3.1.6 Integrasi Institusi Dakwah dan NGO

Tema terakhir menunjukkan bahawa pendidikan mualaf memerlukan kerjasama yang lebih sistematik antara institusi agama, NGO dakwah, komuniti dan agensi kerajaan. Peserta menjelaskan bahawa terdapat pertindihan program dan kekurangan penyelarasan antara organisasi yang terlibat dalam pengurusan mualaf. Pegawai hal ehwal agama berpandangan bahawa sistem jaringan yang lebih tersusun diperlukan bagi memastikan pendidikan, bantuan kebajikan dan pendampingan mualaf dapat dijalankan secara berterusan. Selain itu, peserta juga mencadangkan pembangunan pangkalan data bersama dan mekanisme pemantauan yang lebih sistematik bagi memastikan kebajikan dan perkembangan mualaf dapat dipantau secara lebih efektif.

3.2 Pembentukan Kerangka

Pembangunan kerangka pendidikan mualaf dalam kajian ini dilaksanakan secara sistematik dengan mengintegrasikan pendekatan pembangunan model konseptual dalam penyelidikan kualitatif sebagaimana dihuraikan oleh Creswell (2018), Miles, Huberman dan Saldaña (2014) serta Jabareen (2009). Pendekatan ini membolehkan pembentukan kerangka dilakukan secara induktif berdasarkan pengalaman peserta kajian sebelum diintegrasikan dengan teori dan konsep berkaitan.

3.2.1 Eksplorasi Data dan Analisis Tema

Pada peringkat awal, pengkaji menjalankan proses eksplorasi data melalui temu bual mendalam bersama peserta kajian. Kesemua rakaman temu bual ditranskripsikan secara verbatim sebelum dianalisis menggunakan analisis tematik berdasarkan pendekatan Braun dan Clarke (2019). Proses ini melibatkan pembacaan data secara berulang bagi memahami konteks pengalaman peserta secara menyeluruh.

Kod-kod awal dibentuk berdasarkan isu, pengalaman dan pandangan peserta berkaitan pendidikan mualaf di Sarawak. Kod yang mempunyai persamaan makna kemudiannya dikelompokkan bagi membentuk subtema dan tema utama. Pada peringkat ini, pengkaji memberi perhatian terhadap hubungan antara pengalaman spiritual, sosial, budaya dan institusi yang mempengaruhi pembangunan mualaf.

3.2.2 Pengelompokan Konseptual dan Integrasi Teori

Selepas tema utama dikenal pasti, pengkaji menjalankan proses pengelompokan konseptual dengan menghubungkan tema yang diperoleh kepada asas teori dan konsep yang berkaitan. Peringkat ini merujuk kepada pendekatan *conceptual framework development* yang dicadangkan oleh Jabareen (2009), iaitu proses mengenal pasti konsep utama, menghubungkan konsep dan membina jaringan

hubungan konseptual.

Dalam kajian ini, tema-tema yang muncul diintegrasikan dengan dua asas utama iaitu epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi Bronfenbrenner. Epistemologi Islam digunakan sebagai asas falsafah pendidikan yang menekankan tauhid, wahyu, akhlak, tarbiah dan pembangunan insan. Pendekatan sosio-ekologi pula digunakan bagi menjelaskan bahawa pembangunan muafaf dipengaruhi oleh pelbagai lapisan ekosistem seperti individu, keluarga, komuniti, institusi dan dasar sosial.

Proses integrasi teori ini membolehkan pengkaji mengenal pasti hubungan antara dimensi spiritual dan faktor sosial dalam pendidikan muafaf. Hasil integrasi ini seterusnya membantu pembentukan konstruk utama dalam kerangka.

3.2.3 Pembentukan Konstruk Kerangka

Pada peringkat ini, pengkaji membentuk konstruk utama berdasarkan hubungan antara tema dan teori yang telah dianalisis. Beberapa konstruk utama dikenal pasti iaitu dimensi spiritual, dimensi psikososial, dimensi komuniti, dimensi institusi dan dimensi pembangunan lestari. Kesemua konstruk ini disusun secara hierarki dan saling berkait bagi membentuk kerangka pendidikan muafaf yang bersifat holistik.

Dimensi spiritual merangkumi elemen tauhid, ibadah dan pembinaan identiti Muslim. Dimensi psikososial pula melibatkan aspek emosi, kesejahteraan mental, pendampingan dan sokongan sosial. Dimensi komuniti merujuk kepada pengaruh keluarga, komuniti Muslim dan masyarakat sekitar terhadap perkembangan muafaf. Sementara itu, dimensi institusi melibatkan peranan NGO dakwah, institusi agama dan agensi kerajaan dalam pengurusan pendidikan muafaf.

3.2.4 Pembinaan Kerangka Awal

Berdasarkan konstruk yang telah dikenal pasti, pengkaji membangunkan kerangka awal pendidikan muafaf dengan menggambarkan hubungan antara dimensi epistemologi Islam dan lapisan sosio-ekologi. Kerangka awal ini menunjukkan bahawa pembangunan muafaf perlu dilaksanakan melalui integrasi pendidikan spiritual, sokongan sosial, penglibatan komuniti dan pengukuhan institusi. Pada peringkat ini, pengkaji turut meneliti kesesuaian kerangka dengan konteks masyarakat majmuk di Sarawak termasuk faktor budaya, geografi dan realiti sosial muafaf tempatan.

3.2.5 Validasi Pakar Menggunakan Content Validity Index (CVI)

Bagi memastikan kesahan kandungan kerangka yang dibangunkan, proses validasi pakar dijalankan menggunakan kaedah *Content Validity Index* (CVI) sebagaimana dicadangkan oleh Polit dan Beck (2006). Seramai tujuh orang pakar dilantik berdasarkan kepakaran dalam bidang pendidikan Islam, dakwah, pengurusan muafaf dan pembangunan komuniti.


Panel pakar terdiri daripada ahli akademik pendidikan Islam, pegawai institusi agama, pengamal NGO dakwah dan individu yang mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan muafaf di Malaysia. Setiap pakar diberikan dokumen kerangka bersama instrumen penilaian yang mengandungi aspek kesesuaian konstruk, kejelasan komponen, relevansi tema dan kebolegunaan kerangka.

Pakar diminta menilai setiap komponen menggunakan skala empat mata iaitu 1 (tidak relevan), 2 (kurang relevan), 3 (relevan) dan 4 (sangat relevan). Nilai Item-Level Content Validity Index (I-CVI) dikira berdasarkan jumlah pakar yang memberikan skor 3 atau 4 bagi setiap item. Seterusnya, nilai Scale-Level Content Validity Index (S-CVI) dikira bagi menentukan tahap kesahan keseluruhan kerangka.

Hasil validasi menunjukkan bahawa majoriti komponen kerangka memperoleh nilai I-CVI melebihi 0.80 dan nilai S-CVI keseluruhan berada pada tahap yang tinggi, menunjukkan bahawa kerangka yang dibangunkan mempunyai tahap kesahan kandungan yang baik. Beberapa cadangan penambahbaikan daripada pakar turut diambil kira termasuk pengukuhan elemen psikososial, penjelasan hubungan antara institusi dan penambahan aspek budaya tempatan dalam kerangka akhir.

3.3 Kerangka Pendidikan Mualaf Berteraskan Epistemologi Islam dan Pendekatan Sosio-Ekologi

Gambarajah 1 menerangkan Pendekatan Sosio-Ekologi Bronfenbrenner (1979) dalam memahami perkembangan individu, khususnya mualaf, melalui interaksi pelbagai lapisan persekitaran sosial. Pada peringkat mikrosistem, mualaf dipengaruhi secara langsung oleh persekitaran terdekat seperti keluarga, rakan, mentor, komuniti Muslim, masjid dan NGO, yang memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan identiti Muslim, kefahaman serta pengamalan Islam, kesejahteraan psikospiritual dan emosi, serta penyertaan sosial dan pemberdayaan komuniti. Seterusnya, eksosistem merujuk kepada sistem yang tidak melibatkan mualaf secara langsung tetapi tetap memberi kesan kepada kehidupan mereka, seperti institusi, organisasi, media, ekonomi serta dasar dan perkhidmatan sosial yang boleh mempengaruhi sokongan dan peluang integrasi mualaf dalam masyarakat. Pada tahap yang lebih luas, makrosistem merangkumi nilai budaya, undang-undang, dasar negara serta ideologi masyarakat yang membentuk kerangka sosial dan penerimaan terhadap mualaf dalam konteks yang lebih besar. Akhirnya, kronosistem menekankan faktor masa, iaitu perubahan dan transisi pengalaman kehidupan mualaf dari masa ke masa, termasuk proses penyesuaian selepas memeluk Islam. Secara keseluruhannya, model ini menunjukkan bahawa perkembangan mualaf adalah hasil interaksi dinamik antara individu dan pelbagai sistem persekitaran yang saling mempengaruhi secara berlapis dan berterusan.



Gambarajah 1: Kerangka Pendidikan Muallaf Berteraskan Pendekatan Sosio-Ekologi

4.0 Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan muallaf tidak boleh difahami secara sempit sebagai proses pemindahan ilmu agama semata-mata, tetapi perlu dilihat sebagai suatu proses pembangunan insan yang bersifat holistik dan berterusan. Dapatan kajian membuktikan bahawa penguatan tauhid dan pembinaan identiti Muslim merupakan asas utama dalam pendidikan muallaf. Penemuan ini selari dengan epistemologi Islam yang menegaskan bahawa proses pendidikan perlu berpaksikan konsep tauhid sebagai asas pembentukan pemikiran, tingkah laku dan kehidupan manusia. Al-Attas (1991) menjelaskan bahawa pendidikan Islam bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi proses melahirkan insan beradab yang memahami hubungan dirinya dengan Allah SWT, masyarakat dan alam. Dalam konteks kajian ini, peserta menegaskan bahawa muallaf memerlukan pendidikan yang membantu mereka memahami makna Islam dalam kehidupan seharian dan bukan hanya penguasaan hukum-hukum secara literal.

Dapatan ini turut menyokong kajian Abdul Halim Tamuri (2015) yang menegaskan bahawa pendidikan

mualaf perlu dibina atas dasar tauhid dan pembangunan insan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, kajian ini memperluaskan dapatan tersebut dengan menunjukkan bahawa pengukuhan tauhid sahaja tidak mencukupi sekiranya tidak disertai dengan sokongan sosial dan pendekatan psikososial yang sesuai. Dalam konteks Sarawak yang bersifat multi-etnik dan multi-agama, pembinaan identiti Muslim dalam kalangan mualaf berlaku dalam keadaan yang lebih kompleks kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan identiti agama baharu tanpa kehilangan hubungan budaya dan kekeluargaan.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa hubungan interpersonal dan sistem pendampingan memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan istiqamah mualaf. Penemuan ini selari dengan pendekatan sosio-ekologi Bronfenbrenner (1979) yang menjelaskan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh interaksi dengan persekitaran sosial termasuk keluarga, komuniti dan institusi. Dalam kajian ini, mentor dakwah, komuniti Muslim dan NGO dakwah dilihat berfungsi sebagai elemen mikrosistem yang memberi pengaruh langsung terhadap perkembangan spiritual dan emosi mualaf. Kehadiran sistem sokongan yang konsisten membantu mualaf membina rasa kekitaan dan mengurangkan tekanan emosi selepas memeluk Islam.

Dapatan ini juga menyokong kajian terkini oleh Abdullah et al. (2023) yang mendapati bahawa pembangunan modal insan mualaf memerlukan pengukuhan hubungan sosial dan sokongan komuniti secara berterusan. Namun begitu, kajian semasa ini memberikan dimensi tambahan dengan menekankan bahawa pendekatan pendampingan perlu dilaksanakan secara kontekstual berdasarkan realiti budaya masyarakat Sarawak. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan pendidikan mualaf tidak hanya bergantung kepada kandungan pengajaran, tetapi juga kepada kualiti hubungan sosial yang dibina sepanjang proses pendidikan.

Kajian ini turut mendapati bahawa faktor ekosistem sosial seperti keluarga, masyarakat dan budaya mempunyai pengaruh besar terhadap proses penyesuaian mualaf. Penemuan ini sangat konsisten dengan pendekatan sosio-ekologi yang melihat bahawa perubahan tingkah laku dan pembangunan individu berlaku melalui interaksi antara pelbagai lapisan sistem sosial. Dalam konteks kajian ini, konflik keluarga, penolakan masyarakat dan tekanan budaya dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjejaskan istiqamah mualaf sekiranya tidak ditangani dengan baik.

Penemuan ini mempunyai persamaan dengan kajian Awang et al. (2022) yang menunjukkan bahawa religiositi mualaf dipengaruhi oleh pengalaman sosial dan sistem pendidikan Islam yang diterima. Namun demikian, kajian ini memperlihatkan bahawa dalam konteks Sarawak, pengaruh budaya dan etnik lebih dominan kerana masyarakat pribumi mempunyai hubungan kekeluargaan dan adat yang sangat kuat. Oleh itu, pendekatan pendidikan Islam yang terlalu *rigid* dan tidak sensitif budaya boleh menyebabkan mualaf mengalami konflik identiti dan menjauhkan diri daripada institusi agama.

Dalam masa yang sama, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan mualaf perlu mengambil kira elemen budaya tempatan dan pendekatan dakwah yang lebih fleksibel. Penemuan ini menyokong konsep dakwah bil hikmah yang menekankan kebijaksanaan dan sensitiviti budaya dalam penyampaian Islam. Peserta kajian menjelaskan bahawa penggunaan bahasa tempatan, penghormatan terhadap adat dan pendekatan mesra komuniti meningkatkan penerimaan mualaf terhadap pendidikan Islam.

Dapatan ini selari dengan pandangan Yusuf al-Qaradawi (1995) yang menegaskan bahawa gerakan dakwah perlu memahami realiti masyarakat setempat sebelum melaksanakan pendekatan pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan penekanan baharu dengan menunjukkan bahawa integrasi budaya tempatan dalam pendidikan mualaf bukan sahaja meningkatkan penerimaan, tetapi turut membantu mualaf mengekalkan kesejahteraan psikososial mereka. Situasi ini sangat penting dalam konteks Sarawak yang mempunyai kepelbagaian budaya dan struktur sosial yang unik.

Kajian ini juga mendapati bahawa aspek ekonomi dan psikososial merupakan elemen penting dalam pendidikan mualaf. Sebahagian peserta menjelaskan bahawa mualaf yang kehilangan sokongan

keluarga dan sumber ekonomi lebih mudah mengalami tekanan emosi serta kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu. Penemuan ini menunjukkan bahawa pendidikan mualaf tidak boleh dipisahkan daripada aspek kebajikan sosial dan kesejahteraan hidup.

Dapatan ini menyokong kajian Zulkefli et al. (2024) yang menekankan bahawa kelestarian pembangunan institusi Islam memerlukan pengukuhan aspek sosial dan kebajikan komuniti. Namun begitu, kajian semasa memperincikan lagi bahawa pendidikan mualaf perlu mengintegrasikan bantuan ekonomi, sokongan psikologi dan pembangunan kemahiran sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan Islam yang menyeluruh.

Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama antara institusi agama, NGO dakwah dan agensi kerajaan sangat penting dalam memastikan kelangsungan pendidikan mualaf. Penemuan ini menyokong pendekatan sosio-ekologi yang menekankan bahawa pembangunan individu memerlukan penglibatan pelbagai lapisan sistem sosial dan institusi. Peserta kajian berpandangan bahawa pertindihan program dan kekurangan koordinasi antara organisasi menyebabkan sebahagian mualaf tercicir daripada sistem sokongan yang sepatutnya.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa integrasi epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi memberikan suatu kerangka yang lebih komprehensif dalam memahami pendidikan mualaf di Sarawak. Pendidikan mualaf bukan sekadar proses penyampaian ilmu agama, tetapi melibatkan pembangunan identiti, kesejahteraan emosi, hubungan sosial, sensitiviti budaya dan pengukuhan institusi secara menyeluruh. Penemuan ini turut memperkukuhkan keperluan kepada model pendidikan mualaf yang lebih kontekstual, inklusif dan lestari dalam masyarakat majmuk Malaysia.

5.0 Implikasi Kerangka

Kerangka pendidikan mualaf yang dibangunkan dalam kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan pendidikan Islam, pengurusan mualaf dan pembentukan dasar berkaitan dakwah di Malaysia. Kerangka ini boleh dijadikan panduan oleh institusi agama dalam membangunkan modul pendidikan mualaf yang lebih holistik, kontekstual dan berasaskan realiti sosial masyarakat majmuk khususnya di Sarawak. Selain itu, NGO dakwah dan mentor mualaf boleh menggunakan kerangka ini bagi memperkukuhkan sistem pendampingan dan pembangunan komuniti yang lebih sistematik. Dari sudut pembentukan dasar, kerangka ini boleh membantu agensi kerajaan dan institusi agama dalam merancang polisi pendidikan, kebajikan dan pembangunan sosial mualaf secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira aspek spiritual, psikososial, ekonomi dan budaya. Dalam konteks akademik pula, kajian ini memperluaskan aplikasi epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi dalam bidang pendidikan komuniti serta membuka ruang kepada pembangunan modul intervensi dan kajian lanjutan berkaitan pendidikan mualaf di Malaysia.

6.0 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberikan perhatian. Pertama, kajian ini hanya melibatkan peserta yang berkhidmat di Sarawak dan oleh itu dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada konteks pendidikan mualaf di negeri-negeri lain di Malaysia yang mempunyai latar budaya dan struktur institusi yang berbeza. Kedua, pendekatan kualitatif yang digunakan memberi penekanan terhadap pengalaman dan persepsi peserta, justeru dapatan kajian lebih bersifat kontekstual dan interpretatif. Ketiga, kajian ini hanya melibatkan pengamal dakwah, mentor mualaf, pengurus NGO dan pegawai hal ehwal agama tanpa melibatkan mualaf secara langsung sebagai peserta utama kajian. Oleh itu, perspektif sebenar mualaf terhadap keberkesanan pendidikan yang diterima mungkin belum diterokai secara mendalam. Selain itu, faktor geografi dan kepelbagaian etnik di Sarawak juga boleh mempengaruhi variasi pengalaman peserta dalam pengurusan pendidikan

mualaf. Justeru, kajian lanjutan dicadangkan menggunakan pendekatan mixed-method serta melibatkan penyertaan mualaf daripada pelbagai latar belakang bagi memperkukuhkan lagi dapatan kajian.

7.0 Kesimpulan

Kajian ini membangunkan satu kerangka pendidikan mualaf berteraskan epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi bagi konteks Sarawak. Kerangka ini menekankan bahawa pendidikan mualaf perlu bersifat holistik, kontekstual dan melibatkan pelbagai lapisan ekosistem sosial. Pengintegrasian epistemologi Islam dan pendekatan sosio-ekologi membolehkan pendidikan mualaf dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira aspek spiritual, sosial, budaya dan institusi. Kerangka yang dibangunkan diharap dapat menjadi rujukan kepada institusi agama, NGO dakwah dan penyelidik dalam memperkukuhkan sistem pendidikan mualaf di Malaysia.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Yayasan Ikhlas atas tajaan dana penyelidikan bagi menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua responden dan panel pakar yang telah terlibat dan memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Halim Tamuri. (2015). Educating teacher for muallaf: The tawhidic base. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 1–10.
- Abdullah, N., Mastor, K. A., Kawangit, R., & Awang, A. (2023). Development of human capital through the Islamic education of our brothers (Mu'alaf) in Terengganu. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 25(1), 189–214.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Awang, A., Che Mat, A., Musa, R., & Abdul Ghani, R. (2022). The effects of Islamic education on religiosity among Muallaf students in Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 8(1), 290–309.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589–597.
- Braun, V., & Clarke, V. (2023). Thematic Analysis. In: Maggino, F. (eds) *Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-319-69909-7_3470-2
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Cambridge: Harvard University Press.
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., Bywaters, D., & Walker, K. (2020). Purposive sampling: complex or simple? Research case examples. *J Res Nurs*, 25(8), 652-661. <https://doi.org/10.1177/1744987120927206>
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Jabareen, Y. (2009). Building a conceptual framework: Philosophy, definitions, and procedure. *International Journal of Qualitative Methods*, 8(4), 49–62.

- Kawi, K., Tan, N. A. t. M. i., & Abdullah, T. A. P. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [Issues and Challenges Muallaf in the Sarawak Islamic Religious Department]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 28-43.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohd Arifin, R. (2020). Pengintegrasian teori ekologi persekitaran dalam mendepani revolusi pendidikan 4.0. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 85–98.
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497.
- Siti Aishah Yahya, N. A., Suzyliana Mamat, Atini Alia, Nor Azilah Johari. (2021). Hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan muallaf di Melaka. *Jurnal Ulwan*, 6(1), 22-38. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/843/671>
- Tong, P., & An, I. S. (2023). Review of studies applying Bronfenbrenner's bioecological theory in international and intercultural education research. *Front Psychol*, 14, 1233925. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1233925>
- Visabella, R. H., & Hamzah, M. I. (2025). Pendekatan andragogi dalam meningkatkan pemahaman ilmu fardu ain terhadap muallaf dewasa. *Al-Hikmah*, 17(2), 45–60.
- Yusuf al-Qaradawi. (1995). *Priorities of the Islamic movement in the coming phase*. Cairo: Al-Shuruq.
- Zulkefli, M. I. I., Endut, M. N. A., & Lim Abdullah, M. R. T. (2024). Exploring factors affecting the sustainability of Islamic affairs in Malaysia: An interpretive structural modeling approach. *International Journal of Sustainable Development and Planning*, 19(2), 703–713.